

Penduduk pesisir pantai waspada banjir

Oleh Johary Indan

TUARAN: Penduduk kampung di pesisir pantai daerah ini diingatkan berwaspada menghadapi kemungkinan banjir berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu kebelakangan ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Hajiji Mohd Noor, berkata penduduk perlu peka dengan peringatan pihak berkuasa

dan diminta mengikuti perkembangan keadaan cuaca menerusi laporan media sepanjang masa.

"Jangan ambil risiko yang boleh membahayakan keselamatan diri dan keluarga kerana keutamaan mesti diberi untuk menyelamatkan nyawa.

"Tindakan pantas kira-kira 50 penduduk Kampung Gayang meninggalkan rumah selepas menerima maklumat kemungkinan berlaku tsunami di Taiwan, baru-baru

ini menunjukkan orang ramai peka dengan perkembangan semasa," katanya.

Beliau ditemui selepas mengagihkan daging korban dan sumbangan sempena Aidiladha kepada penduduk Kampung Terayung di sini, kelmarin.

Cuaca di Utara, Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah dilaporkan tidak menentu sejak beberapa hari lalu, dengan hujan berterusan dan angin kencang dilaporkan berlaku.

Malah, beberapa kampung di Kudat dan Kota Marudu dilanda banjir hujung minggu lalu hingga memaksa penduduk berteduh di beberapa pusat pemindahan.

Sebahagian besar penduduk Kampung Gayang meninggalkan rumah mereka selepas dimaklumkan mengenai kejadian gempa bumi di Taiwan, Selasa lalu.

Hajiji yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sulaman

berkata, masyarakat tempatan kini sudah memahami keperluan untuk menyelamatkan diri ke tempat selamat jika berlaku bencana alam.

Beliau berkata, kepekaan itu susulan terhadap hasil latihan kecemasan sebelum ini dan perlu diteruskan bagi mengelak kejadian tidak diingini.

"Ikut apa juga arahan pihak berkuasa dan jangan cuba bertindak sendiri, lebih-lebih lagi dalam soal keselamatan," katanya.